

Malaysia meterai 11 MoU

BH 6/5/2007

Kebangkitan negara dalam bioteknologi diiktiraf dunia: Dr Jamaluddin



SEBANYAK sebelas perjanjian persefahaman (MoU) akan ditandatangani syarikat dan institusi penyelidikan Malaysia dengan beberapa syarikat di Amerika Syarikat (AS) termasuk Massachusetts Institute of Technology (MIT) dan institusi penyelidikan Korea pada Konvensyen Antarabangsa Pertubuhan Industri Bioteknologi (BIO) 2007

yang berlangsung di sini, mulai hari ini hingga Rabu ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Jamaluddin Jarjis, berkata ini adalah kali pertama Malaysia menandatangani MoU pada konvensyen ini, penyertaan keempat sejak yang pertama pada tahun 2004 di San Francisco.

Antara syarikat berkenaan ialah Biotech Corporation dengan MEMG, Inno Biologics dengan Avesthagen, Geno Malaysia dengan MGRC dan BIOTEK dengan MIT.

Sejak 2004, bidang bioteknologi negara semakin maju dan kini 123 syarikat tempatan terbabit dalam bidang

berkenaan dengan tiga daripadanya disenaraikan di Bursa Malaysia.

Bercakap pada sidang media selepas pertemuan dengan delegasi Malaysia di sini malam Jumaat lalu, beliau berkata MoU itu juga adalah petanda kebangkitan dan penonjolan Malaysia dalam bidang bioteknologi

“Penyertaan ini juga adalah untuk kita mempromosikan kecenderungan kita dalam bidang bioteknologi di samping memberitahu syarikat asing insentif yang ditawarkan kepada yang berminat untuk melabur dalam bidang ini.

“Pada masa ini juga kita melihat banyak syarikat baru berminat me-

masuk ke industri ini di Malaysia dan kerana itu tahun ini kita ada 14 pameran mengadakan pameran di As-taka Malaysia pada konvensyen ini,” katanya.

Jamaluddin berkata, pemilihan Boston sebagai tuan rumah konvensyen adalah kerana kepesatan pembangunannya dalam bidang bioteknologi dengan sekitar 10 kilometer antara MIT dan Universiti Harvard saja, sebanyak 1,000 syarikat terbabit dalam bidang itu dengan nilai modal AS\$600 bilion (RM2.1 bilion).

“Oleh itu, penyertaan Malaysia pada konvensyen ini penting untuk kita memperkenalkan diri dan sya-

rikat modal teroka kita melihat teknologi terbaru dalam bidang ini bagi membuat pelaburan.

“Penanda aras kita dalam bidang ini adalah kualiti dan oleh itu kita perlu hadir untuk melihat sendiri apa yang berlaku di dunia dalam bidang ini,” katanya.

Beliau berkata, empat bidang utama bioteknologi yang menjadi tumpuan Malaysia adalah kesihatan, pertanian, industri serta alam sekitar dan melalui teknologi diperoleh sepanjang penyertaan dalam konvensyen ini memperlihatkan peningkatan negara menghasilkan produk dan perkhidmatan lebih bermutu.